

Cuti bersalin 84 hari dibentang ke Kabinet

Oleh SADATUL MAHIRAN ROSLI

KUALA LUMPUR 8 Mei - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan menghantar semula memorandum cadangan cuti bersalin selama 84 hari ke Kabinet secepat mungkin bagi membolehkannya ia dilulus dan dilaksanakan segera.

Menterinya, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata, walaupun isu tersebut pernah ditangguhkan kerana mendapat tentangan daripada pelbagai pihak, namun usaha Kementerian tidak terhenti dengan tentangan itu.

Katanya, perbincangan antara ketua pegawai eksekutif beberapa syarikat, Kementerian dan Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) telah diadakan bagi mendapatkan maklum balas mengenai perkara itu.

"Daripada reaksi yang diterima setakat ini, kebimbangan ketara oleh mereka ialah mengenai jangka masa cuti yang terlalu lama sehingga boleh menjejaskan produktiviti.

"Sehubungan itu, pihaknya akan membaiki kelemahan-kelemahan yang ditimbulkan oleh beberapa pihak sebelum dibentangkan semula kepada Kabinet," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan seminar Wanita dalam Teraju Kepim-

pinan - Pemimpin Abad ke-21 di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai perkembangan terkini permohonan lanjutan cuti bersalin daripada 60 hari kepada 84 hari atau 12 minggu yang telah ditangguhkan kerana mendapat tentangan daripada pelbagai pihak.

Menurut Shahrizat, sebenarnya cuti 84 hari yang dicadangkan tidak lama dan tidak menjejaskan produktiviti, malah paling minimum seperti yang ditetapkan oleh Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

"Cadangan tersebut juga sejajar dengan hasrat kementerian pada tahun ini iaitu menjadikan tempat kerja mesra keluarga.

"Kita mahu wanita keluar membanjiri alam pekerjaan dan sehubungan itu, kita perlu pastikan tempat kerja itu mesra keluarga, iaitu mempunyai waktu kerja anjal, cuti bersalin 84 hari, kemudahan tempat penyusuan, taska dan tadika," katanya.

UM-9/5/2007